

MEMPERKASA KEPIMPINAN AKADEMIK

Semai Bakti Menuai Budi



Penyunting
Norzaini Azman

MEMPERKASA KEPIMPINAN AKADEMIK

Semai Bakti Menuai Budi

Norzaini Azman



AKEPT HIGHER
EDUCATION
LEADERSHIP
ACADEMY



Penerbit UMT
Universiti Malaysia Terengganu
21030 Kuala Terengganu
Terengganu
2016

MEMPERKASA KEPIMPINAN AKADEMIK
Semai Bakti Menuai Budi

Hak Cipta / *Copyright*:
Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT)
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

Hak Cipta Terpelihara © 2016. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin secara bertulis.

© 2016 All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording or any information storage and retrieval system without permission in writing.

Diterbitkan oleh / *Published in Malaysia*
Penerbit UMT,
Universiti Malaysia Terengganu,
21030 Kuala Terengganu,
Terengganu, Malaysia.
<http://penerbit.umt.edu.my>
E-mel: penerbitumt@umt.edu.my

Perpustakaan Negara Malaysia

Cataloguing-in-Publication Data

MEMPERKASA KEPIMPINAN AKADEMIK : Semai Bakti Menuai Budi /

Penyunting Norzaini Azman
ISBN 978-967-0962-02-3

1. Educational leadership--Malaysia. 2. Education, Higher--Malaysia.
3. Universities and colleges--Malaysia. I. Norzaini Azman, 1967-.
378.10109595

Set in Optima

Reka bentuk: Penerbit UMT
Reka letak: Penerbit UMT

Dicetak oleh:
Reka Cetak Sdn. Bhd.
No. 14, Jalan Jemuju Empat 16/13D
Seksyen 16,
40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

1100094896

1B
2806
.M4
2015

KANDUNGAN

SENARAI RAJAH	vii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI SINGKATAN	xi
PRAKATA	xiii
PENDAHULUAN	xv
SENARAI PENYUMBANG	xix
BAB 1: KEPIMPINAN AKADEMIK	1
<i>Norzaini Azman & Mohd Fadzil Mohd Idris</i>	
BAB 2: PROFESION AKADEMIK	23
<i>Norzaini Azman, Ibrahim Komoo & Mohd Ferdaus Harun</i>	
BAB 3: FELDA: PENGGERAK TRANSFORMASI MASYARAKAT DESA	57
<i>Ibrahim Komoo, Norzaini Azman, Hafidah Umar & Nik Sabrina Abdullah</i>	
BAB 4: PROFIL AKADEMIK GENERASI FELDA	83
<i>Sharina Abdul Halim, Salsela Saidin, Hafidah Umar, Nik Sabrina Abdullah</i>	
BAB 5: PENGALAMAN PERIBADI DAN KERJAYA	103
<i>Sharina Abdul Halim, Faizah Abd. Majid & Nor Hafiza Othman</i>	
BAB 6: PERANAN AHLI AKADEMIK	121
<i>Roslina Ismail, Faizah Abd. Majid & Mohd Ferdaus Harun</i>	

bahagian
apa cara
sebelum

mitted in
ing or any

ation Data

LB
2806
.M4
2015

BAB 6

PERANAN AHLI AKADEMIK

Roslina Ismail, Faizah Abd. Majid & Mohd Ferdaus Harun

MENGENALI PERANAN AHLI AKADEMIK

Secara tradisinya, ahli akademik berperanan penting sebagai agen perubahan dalam konteks pembangunan sosial masyarakat (Doring, 2002). Peranan mereka sebagai agen perubahan ini sebenarnya sangat rencam. Ini kerana ahli akademik bukan sahaja terlibat dalam aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di universiti, malah mereka turut memainkan peranan penting sebagai penyalur ilmu bagi pembangunan sosial, ekonomi dan politik. Kerjaya sebagai ahli akademik mempunyai kreativiti dan keunikan tersendiri yang sebahagian besarnya berpaksikan kepada rasionaliti kognitif (*cognitive rationality*) (Light, 1974; Churchman, 2002).

Peranan ahli akademik dipengaruhi oleh keperluan, kepentingan dan kehendak pelbagai pihak berkepentingan antaranya pelajar, ibu bapa, pentadbiran universiti, masyarakat, komuniti, pihak kerajaan dan swasta (Karlsson, 2007; Macfarlane, 2007). Pada masa yang sama, perubahan dan perkembangan semasa di peringkat kebangsaan dan antarabangsa turut mempengaruhi peranan, tadbir urus dan pengurusan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) (Krause, 2011; Azman, 2010; Stromquist et al., 2007). Pengaruh globalisasi daripada perspektif penerapan budaya teknokrat, persaingan dan kecekapan perniagaan, pengantarabangsaan, pengkorporatan serta pertumbuhan pesat sektor pengajian tinggi juga telah menambahkan lagi kerencaman peranan ahli akademik (Boyer, 1990b; Sirat et al., 2007; Stromquist et al., 2007).

Peranan ahli akademik boleh dilihat dalam dua perspektif utama, iaitu struktur jawatan dan interaksi (Wong, 2012). Selain itu, peranan akademik juga berkait rapat dengan status ahli akademik sebagai cendekiawan dan intelektual, keperluan menyampaikan ilmu dan kemahiran serta keperluan menunaikan harapan masyarakat. Di samping itu, peranan ahli akademik mencerminkan tugas, tanggungjawab, etika sebagai ilmuwan, pemikir dan sarjana (Greenbank,

2006; Wong, 2012). Justeru bab ini membincangkan peranan ahli akademik Anak Generasi Felda (AGF) berasaskan data kualitatif.

Data kualitatif telah diperolehi daripada teknik temu bual berfokus separa berstruktur melibatkan 68 orang ahli akademik AGF daripada tujuh buah IPTA terpilih. Seperti yang dinyatakan dalam bab 1, pemilihan institusi ini adalah secara berstrata melibatkan ahli akademik AGF dari dua buah Universiti Penyelidikan, dua buah Universiti Komprehensif, dua buah Universiti Komprehensif Berfokus dan sebuah Universiti Teknikal. Sebanyak tujuh sesi temu bual kumpulan berfokus telah dijalankan dan setiap sesi temu bual mengambil masa antara 2 hingga 3 jam. Sebanyak lapan domain telah dibina merangkumi; 1) kefahaman mengenai peranan akademik; 2) persepsi terhadap peranan utama ahli akademik; 3) kecenderungan kepimpinan; 4) simbiosis antara penyelidikan dan pengajaran; 5) autonomi dan etika akademik; 6) kepuasan akademik; 7) persepsi terhadap peranan tambahan; dan 8) pendirian atau kepercayaan akademik.

KONSEP PERANAN AHLI AKADEMIK

Seperti yang telah dibincangkan dengan terperinci dalam bab 2, peranan akademik adalah refleksi terhadap status ahli akademik sebagai cendekiawan dan intelektual, keperluan menyampaikan ilmu dan kemahiran, ekspektasi masyarakat, dan tugas, tanggungjawab, dan etika sebagai ilmuwan, pemikir serta sarjana. Justeru, buku ini mengambil inisiatif untuk memperkenalkan konsep peranan ahli akademik berasaskan kepada tiga kategori peranan ahli akademik, iaitu peranan asas, peranan utama dan peranan baharu muncul. Rajah 6.1 menunjukkan rumusan konsep peranan akademik yang berteraskan kepada tiga kategori tersebut.

Peranan Asas	Peranan Utama	Peranan Baharu Muncul
<ul style="list-style-type: none"> • Penyelidikan fundamental (kajian dalam bidang disiplin) • Penyelidikan eksploratori (penemuan baharu) • Seminar • Persidangan 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengajaran • Penyeliaan • Penerbitan • Pentadbiran • Perkhidmatan 	<ul style="list-style-type: none"> • Penyelidikan dan pembangunan komersial • Inovasi • Penasihat saintifik & teknikal • Penglibatan dalam industri • Tugas-tugas khas

Rajah 6.1 Konsep peranan akademik

Peranan Asas

Peranan asas akademik merujuk kepada tanggungjawab asas ahli akademik yang mendokong pembangunan kepakaran dan pembinaan keupayaan mereka sebagai ahli akademik. Peranan ini memerlukan ahli akademik meningkatkan kepakaran dalam bidang tujuhan masing-masing. Aktiviti yang dilakukan oleh ahli akademik dalam kategori peranan asas adalah memberikan pengetahuan dan menghasilkan penemuan baharu dalam bidang tujuhan serta boleh meningkatkan kepakaran mereka seperti penyelidikan berasaskan bidang disiplin, penyelidikan bersifat eksploratori, serta menghadiri seminar dan persidangan dalam bidang kepakaran.

Peranan Utama

Peranan utama akademik merujuk kepada tugas hakiki ahli akademik yang memerlukan mereka memberi sumbangan sebagai ilmuwan kepada pihak berkepentingan seperti pelajar, kumpulan kesepakatan dan profesion akademik. Sumbangan ahli akademik kepada pelajar mencakupi pengajaran dan penyeliaan. Sumbangan kepada institusi dan profesion merangkumi penerbitan saintifik untuk perkongsian ilmu serta urusan pentadbiran dan perkhidmatan.

Peranan asas dan peranan utama ahli akademik telah bermula sejak kewujudan institusi universiti (Light, 1974; Michaud, 1991). Kedua-dua peranan ini bersifat hakiki dan menjadi teras kepada profesion akademik. Dengan itu, IPT perlu mengintegrasikan aktiviti akademik sedia ada, membuka ruang sempadan tradisi serta mengaplikasikan ilmu, pengetahuan dan kemahiran supaya menjadi lebih responsif kepada perubahan dan keperluan masyarakat semasa (Boyer, 1990b). Secara tidak langsung, suasana rasionalisasi dan transformasi IPT telah mencetus kemunculan beberapa peranan baharu akademik.

Peranan Baharu Muncul

Peranan baharu muncul ini diterjemahkan dalam pelbagai aktiviti misalnya penglibatan sebagai intelek awam, penyertaan dalam penyelidikan dan pembangunan komersial (*commercial R&D*), peneraju inovasi, penasihat saintifik dan teknikal, penglibatan dalam komuniti dan industri, perniagaan ilmu dan tugas-tugas khas. Peranan baharu akademik menuntut anjakan paradigma ahli akademik dengan melihat komuniti luar sebagai pihak berkepentingan yang sama pentingnya dengan komuniti dalam kampus. Ini bermaksud sumbangan ahli akademik dalam kategori peranan baharu muncul ini tidak lagi terbatas kepada pelajar, institusi